

03 JUL 1999

MAHATHIR-SELESA

ALIRAN SEMASA INDEKS KOMPOSIT SEKARANG SELESA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, Jun 3 (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau selesa dengan aliran semasa kedudukan Indeks Komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), yang kini telah melepasi paras 800 mata.

Mengenai andaian kenaikan indeks berkenaan dikatakan terlalu cepat dan mendadak, Perdana Menteri berkata: "kalau dulupun naik sehingga 1,400 mata lebih daripada keuntungan syarikat sendiri ... itupun tidak sihat juga".

Beliau menambah kata semasa kerajaan menasihati para pelabur supaya membeli semasa saham turun, mereka tak percaya harga akan melonjak naik kembali, "... siapa yang beli dulu, sekarang dah kaya raya".

Semalam Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) mencatatkan urusan tertinggi bagi tahun ini apabila sejumlah 1.258 bilion saham bernilai RM2.524 bilion diniagakan.

Semua indeks utama mencatatkan kenaikan dengan Indeks Komposit melonjak 1.2 peratus atau 10.31 mata kepada 845.62. Ia adalah paras tertinggi dalam tempoh 20 bulan lalu.

Menyentuh mengenai pemulihan ekonomi pula, Perdana Menteri berkata, terpulanglah kepada pihak-pihak yang tidak yakin bahawa ekonomi negara semakin pulih untuk membuat sebarang ramalan.

"Mereka boleh buat ramalan apa pun, pemulihan bukan daripada pasaran sahaja, macam-macam kita boleh tengok," kata beliau selepas melakukan lawatan peribadi ke Taman Rama-rama, di Taman Tasik Perdana di sini.

Diminta mengulas mengenai permintaan supaya ditubuhkan dana khas untuk pembiayaan projek pembangunan, Dr Mahathir berkata bahawa beliau belum pasti dan perlu kajian terlebih dahulu. "Saya tidak tahu lagi ... saya kena tengok dululah", katanya.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata negara telahpun mempunyai pelbagai bentuk dana, lebih-lebih lagi dana untuk pembangunan.

Tegasnya walaupun sudah ditubuhkan pelbagai dana, kerajaan masih menerima banyak sungutan, "jadi saya fikir tak perlulah tubuh macam-macam dana lagi", kata beliau.

Dr Mahathir berkata apa yang pentingnya ialah pelaksanaan tugas yang betul kerana seseorang itu masih boleh mencapai kejayaan walaupun tanpa ada bermacam-macam dana.

Semalam Mesyuarat Menteri-menteri Besar dan Ketua Menteri ke-30 yang diadakan di Kota Kinabalu telah meminta Kerajaan Pusat menyediakan satu dana khas untuk pembayaran projek pembangunan yang dilaksanakan di negeri-negeri.

Pengerusi Persidangan Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad dipetik sebagai berkata adalah amat penting dana khas itu disediakan oleh kerajaan pusat kerana sebelum ini berlaku kelewatan pembayaran dalam satu-satu projek yang dibiayai oleh Kerajaan Pusat di peringkat negeri. -- BERNAMA

AA OS